

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Rabu, 21 Oktober 2020 5:22 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Dan Tourism Malaysia Sepakat Untuk Majukan Edutourism



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

21 OKTOBER 2020 / 4 RABIULAWAL 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM DAN TOURISM MALAYSIA SEPAKAT UNTUK MAJUKAN EDUTOURISM



UUM ONLINE: Pertemuan serampang dua mata antara Naib Canselor dan Timbalan Pengarah Pejabat Tourism Malaysia Wilayah Utara bakal mewujudkan kolaborasi dalam mempromosikan Malaysia menerusi edutourism yang akan memanfaatkan kedua pihak ketika negara kini sedang berdepan pandemik Covid-19.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, keadaan pandemik sekarang telah membataskan sebarang aktiviti pelancongan diadakan secara fizikal, begitu juga sektor pendidikan yang mana proses pengajaran dan pembelajaran telah berlangsung secara atas talian (online).

Menurutnya, beliau berharap Tourism Malaysia dapat membantu UUM khususnya untuk mempromosikan edutorism yang terdapat di universiti yang dilihat mampu memberi nilai pulangan kepada kedua pihak.

"Kita harus memikirkan masa hadapan bagaimana untuk terus bertahan dalam industri ini dalam norma baharu, malah teknologi kini juga berkembang maju dengan pantas begitu juga dunia pendidikan.

"Jadi, saya berharap UUM dan Tourism Malaysia dapat bersama-sama mempromosikan pelancongan negara khususnya dalam bidang pendidikan kerana kita mempunyai peluang yang sangat luas," katanya ketika menerima kunjungan hormat Pejabat Tourism Malaysia Wilayah Utara di Balai Tamu, pagi tadi.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Pejabat Tourism Malaysia Wilayah Utara, Yoganthiran a/l Manikam berkata, kunjungan hormat tersebut adalah untuk membincangkan bagaimana untuk memajukan sektor perindustrian dan lain-lain sektor yang penting untuk pembangunan negeri dan negara.

Menurutnya, hasil perbincangan itu, beliau dapati banyak ruang dan peluang yang boleh bekerjasama Tourism Malaysia dan UUM terokai.

"Saya juga yakin kerjasama demikian mampu membantu pertumbuhan ekonomi negara sekiranya industri dan pendidikan bergabung bekerjasama, seterusnya memberikan hasil menakjubkan," katanya.

Hadir sama, Dekan STHM, Dr. Johan Afendi Ibrahim; Timbalan Dekan SCIMPA, Prof. Madya Ts. Dr. Juliana Aida Abu Bakar; Pengarah Pemasaran Universiti, Norazlin Abd. Jalil dan Pengarah UUM Corporate Communication, H. Rasidah H. Rodzi.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.